



## **UCAPAN PERASMIAN**

**YB DATUK SERI DR RONALD KIANDEE  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**MAJLIS PECAH TANAH HOTPACK PACKAGING IND. LLC, UAE**

**FREE THE SEED, GURUN  
KEDAH**

**21 APRIL 2022 (KHAMIS)**

**(Salutasi akan dimuktamadkan)**

**YANG BERTHORMAT DATUK DR NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH**  
Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) II

**YANG BERTHORMAT EN. AZMAN BIN NASRUDIN**  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman

**YANG BERTHORMAT DATO' WIRA KU ABD RAHMAN BIN KU ISMAIL**  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman

**YANG BERTHORMAT SENATOR DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN ABDUL KHALID**  
Pengerusi, Malaysian Bioeconomy Development Corporation

**YANG BERUSAHA EN MOHD KHAIRUL FIDZAL ABDUL RAZAK**  
Ketua Pegawai Eksekutif, Bioeconomy Corporation

**YANG BERUSAHA MR RAMANESS PARASURAMAN**  
Pengasas, Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif, Free The Seed Sdn Bhd (Free The Seed)

**MR ABDUL JEBBAR P.B.**  
Pengasas dan Pengarah Urusan, Hotpack Packaging Industries LLC (Hotpack)

Wakil-wakil dari Kementerian dan agensi, Bioeconomy Corporation, Free The Seed, Hotpack dan Para Petani Kedah

Tetamu Kehormat, Tuan-tuan dan Puan-Puan

Rakan media dan sidang hadirin yang dihormati sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

1. Pertama sekali, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Bioeconomy Corporation kerana menjemput saya untuk merasmikan **Majlis Pecah Tanah Hotpack Packaging Industries LLC, UAE**.
2. Terima kasih juga saya rakamkan kepada pihak **Free The Seed** sebagai tuan rumah bagi majlis kita pada kali ini.
3. Saya berbesar hati berada di sini untuk menyaksikan majlis yang cukup istimewa ini.
4. *To our honoured guests from the United Arab Emirates, we are happy to welcome you here in Kedah today. We are glad to have you and your team onboard this significant initiative which is in line with the National Agrofood Policy 2021-2030 (DAN 2.0) under the Ministry of Agriculture and Food Industries. Your efforts will help to drive the waste-to-wealth concept as highlighted in Policy Thrust 4 on Sustainable Agriculture Practices.*
5. *The realisation of this biodegradable packaging manufacturing factory serves as a testament to what can be achieved when global minds meet and connect for the sake of creating a better world through sustainable development. In the near future, I hope to see Malaysia's own agricultural produce packed using biodegradable packaging made from our own paddy straw, thus further enforcing the circular economy model in this country.*

***Allow me to continue my speech in Bahasa Malaysia.***

Para hadirin yang dihormati sekalian.

6. **Pertanian merupakan teras bagi penyelesaian lestari projek ini** dan akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, mencipta peluang pekerjaan, pemeliharaan alam sekitar dan pembangunan moden.
7. Semestinya majlis hari ini akan terus menonjolkan sektor pertanian Malaysia di persada dunia.
8. **Semasa Minggu Pertanian Lestari di Pavilion Malaysia, EXPO 2020 Dubai dari 20 hingga 26 Februari 2022** yang lalu, saya telah menyebut dalam ucapan bahawa **amalan dan hasil lestari dalam sektor pertanian Malaysia boleh dipertingkatkan dengan kerjasama Emiriah Arab Bersatu (UAE).**
9. Lantaran itu, visi ini **menjadi kenyataan hasil** daripada kerjasama antara **Free The Seed dan Hotpack, dengan bantuan dan sokongan daripada Bioeconomy Corporation.**
10. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) amat gembira kerana usaha dan komitmen yang dijalankan semasa ekspo itu telah memupuk kerjasama global yang penting dan berpotensi mengubah Malaysia **menjadi hab terbiodegradasi terkemuka di Asia Tenggara.**
11. Saya difahamkan bahawa kerjasama ini melibatkan pembinaan **10 buah kilang pembuatan pembungkusan terbiodegradasi** baharu di Gurun, Kedah. Pelaburan ini bernilai **100 juta ringgit atau (USD25 juta)** dalam tempoh **3 hingga 5 tahun yang pertama** dan Hotpack merancang untuk meningkat nilai pelaburan ini ke **RM400 juta (USD100 juta)** dalam tempoh 10 tahun.
12. Pembinaan kilang pengeluaran pertama seluas **3,200-meter persegi** akan bermula pada **Mei 2022** dan dijangka siap pada **Ogos 2022.**
13. Pelaburan ini juga dijangka mewujudkan **300 peluang pekerjaan** dalam tempoh 3 hingga 5 tahun pertama sebelum meningkat ke **1,200 peluang pekerjaan** dalam tempoh 10 tahun bagi tenaga kerja mahir dan separa mahir, serta menghasilkan pembungkusan **terbiodegradasi daripada pelbagai jenis sisa pertanian seperti daun nanas dan jerami padi.**
14. **Model mampan dan kitaran seperti ini akan membawa kepada pendapatan yang lebih baik untuk lebih ramai komuniti petani di Malaysia,** di samping menarik lebih ramai pelabur asing, melindungi alam sekitar, dan menambah nilai kepada pertanian lestari di Malaysia mahupun UAE.

Hadirin yang dihormati sekalian.

15. **Hubungan diplomatik dan 2 hala antara Malaysia dan UAE makin berkembang sejak tahun 1970-an,** terutamanya dalam bidang perdagangan dan pelaburan.
16. Perkongsian **Hotpack dengan Free The Seed** hari ini bakal mengukuhkan lagi hubungan ekonomi antara kedua-dua negara.
17. Kepercayaan dan keyakinan yang ditunjukkan oleh **Hotpack terhadap syarikat tempatan seperti Free The Seed membuktikan betapa inovatif dan tingginya nilai pertanian Malaysia.**

18. Syabas saya ucapkan kepada **Free The Seed** di atas kegigihan untuk mencapai **pembangunan yang lebih cemerlang - tidak lupa juga kepada Bioeconomy Corporation**, kerana sentiasa memperjuangkan wira-wira tempatan dalam industri bioteknologi dan berasaskan bio, terutamanya dalam bidang pertanian.
19. Bagi Hotpack pula, **kedudukan terkemuka mereka dari segi pengedaran global dan akses pasaran bagi produk pembungkusan makanan adalah mengagumkan** - begitu juga dengan kesungguhan mereka dalam mencari penyelesaian teknologi baharu untuk pembungkusan mampan di pasaran dunia.
20. Sehubungan dengan itu, saya percaya bahawa Hotpack mempunyai potensi untuk menyertai **Program Bio-based Accelerator (BBA)**.
21. Dengan menyertai **program BBA di bawah Bioeconomy Corporation**, Hotpack akan menerima sokongan dan kemudahan yang komprehensif dari segi pembangunan teknologi, akses pasaran, pengkomersilan, fasiliti perkongsian, serta bantuan lain bagi melayakkan diri untuk Status BioNexus.
22. Setelah dianugerahkan dengan Status BioNexus, **Hotpack akan menyertai 248 buah syarikat bioteknologi dan berasaskan bio** di Malaysia yang menikmati pelbagai insentif, kemudahan dan jaminan lain oleh Bioeconomy Corporation bagi memacu pembangunan mereka.

Hadirin yang dikasihi sekalin,

23. Saya percaya bahawa **Automasi dan Bioteknologi** yang digunakan dalam persediaan pembungkusan makanan terbiodegradasi antara Free the Seed dan Hotpack akan menyumbang kepada kemampanan sistem makanan, bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di seluruh dunia.
24. Ini selaras dengan **Wawasan Kemakmuran Bersama 2030** dan **Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0)**, di mana kedua-duanya menggalakkan penerapan teknologi baru dalam **Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0)** untuk memacu pemodenan dan pembangunan mampan dalam negara.
25. *With this opportunity, I would also like to congratulate all parties involved in making this project a reality. MAFI will continue to commit its support and advocacy for investment projects such as this that will elevate the value of Malaysia's agriculture and drive its sustainability.*
26. MAFI akan terus memberikan sokongan untuk projek pelaburan seumpama ini yang pastinya akan meningkatkan lagi nilai pertanian Malaysia dan memacu kemampanannya lantas terus memperkukuh lagi **Sekuriti Makanan Negara demi kesejahteraan rakyat**.
27. Dengan kata-kata itu, saya dengan sukacitanya merasmikan **MAJLIS PECAH TANAH PADA HARI INI**.

Terima kasih.